

Penghulu di Selangor Semasa Pentadbiran Kolonial British

Nur Azim bin Roslan

Azmi bin Arifin

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia

Abstrak

Penulisan ini dilakukan dengan tujuan untuk mengetahui peranan penghulu di Selangor semasa di bawah pentadbiran British selepas Selangor dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu yang lain diletakkan di bawah bidang kuasa Residen British. Fokus kajian ini adalah untuk mengkaji proses pelantikan, tugas, dan kawalan British terhadap penghulu di Selangor serta menjelaskan mengapa peranan penghulu di negeri itu begitu tenggelam sewaktu berada di bawah pentadbiran British. Berdasarkan penelitian terhadap dokumen-dokumen rasmi British serta akhbar-akhbar tempatan, kajian awal ini akan mengenalpasti peranan penghulu di negeri Selangor. Hasil daripada kajian ini akan dapat menjelaskan tentang tugas-tugas yang dilaksanakan oleh para penghulu sebagai sebahagian jentera pentadbiran British di samping menerangkan mengapa peranan penghulu begitu tenggelam di Selangor pada zaman itu.

Pengenalan

Penghulu merupakan satu jawatan tradisional yang sudah wujud begitu lama dalam sejarah pentadbiran tradisional. Nama jawatan penghulu begitu signifikan kepada dunia politik orang Melayu yang saling memerlukan dan juga mempunyai hubungan secara langsung dengan dunia istana. Hal ini kerana, menurut pandangan J.M Gullick gambaran politik orang Melayu terdiri daripada Sultan yang bertindak sebagai pemimpin negeri yang dibantu oleh pemimpin negeri atau pembesar yang menjalankan khidmatnya bagi kesultanan di daerah masing-masing serta unit politik yang paling kecil di dalam daerah adalah berjawatan penghulu. Secara umumnya unit politik ini saling berkait dan berhubung dengan istana kerana setiap jawatan yang dipegang akan menguruskan plotfolio masing-masing dalam pentadbiran bagi memastikan permasalahan dalam negara dapat diselesaikan. Namun begitu, kedatangan penjajah telah memberikan impak kepada sistem politik Melayu. Hal ini kerana, kemasukan idea-idea dari barat telah mengubah pentadbiran tradisional kepada pentadbiran kolonial yang mengaturkan pentadbiran yang lebih memihak kepada mereka. Meskipun wujudnya beberapa jawatan yang diperlukan seperti jawatan Sultan dan penghulu namun begitu kuasa terletak di tangan pihak kolonial atau dikenali sebagai Residen dan Residen Jeneral selepas penyatuan yang diaturkan sendiri oleh British. Menurut pandangan Anthony Milner perkembangan kedatangan kuasa-kuasa eropah dalam bidang ekonomi atau ketenteraan bukanlah satu ancaman kepada orang Melayu tetapi apa yang menjadi ancaman adalah budaya. Bagi pendapat pengkaji budaya politik Melayu cuba diaturkan oleh penjajah bagi memudahkan mereka mengawal aktor-aktor politik dalam pentadbiran supaya pengawalan terhadap mereka

dapat berjalan lancar. Oleh kertas kerja ini adalah untuk mengkaji Penghulu di Selangor semasa pemerintahan kolonial British yang bermula pada tahun 1874 hingga tahun 1930.

Objektif Kajian

- 1.0 Mengkaji bagaimanakah penghulu dilantik sama ada oleh Residen atau Sultan di Selangor
- 2.0 Mengkaji bagaimanakah kawalan British terhadap Penghulu di Selangor
- 3.0 Mengkaji tugas serta peranan yang seharusnya dilakukan penghulu bagi setiap kawasan negeri Selangor
- 4.0 Mengkaji mengapakah peranan penghulu begitu tenggelam ketika pemerintahan British atau ingin mempersoalkan dimanakah penghulu semasa zaman British ini.

Kaedah Kajian

Secara umumnya kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah menggunakan metodologi atau kerangka kajian yang mengikut kehendak dalam disiplin sejarah. Sejarah yang objektif memerlukan satu pendekatan yang baik serta pembuktian yang kukuh supaya dapat merumuskan kajian melalui kaedah-kaedah analisis. Kaedah-kaedah analisis ini dibantu disiplin sejarah itu sendiri melalui pendekatan penggunaan sumber pertama dan dibantu oleh sumber kedua sama ada dalam bentuk artikel mahupun buku-buku ilmiah. Bagi mengatasi masalah serta dijadikan sebagai rujukan, pengkaji menggunakan kaedah mengkaji kajian-kajian lepas yang dilakukan oleh pengkaji yang lepas agar masalah plagiat dapat dielakkan serta mampu dijadikan rujukan dalam kajian Penghulu di Selangor. Oleh itu, hasil daripada penggunaan keadah ini membolehkan pengkaji mendapatkan hasil yang menarik serta pandangan-pandangan pengkaji dapat diterjemahkan dalam hasil kajian ini.

Secara keseluruhan, pengkaji menggunakan keadah sumber pertama dalam mengkaji Penghulu di Selangor kerana memerlukan pembuktian yang sahih serta kuat bagi memastikan penyelidikan dan penganalisan terhadap bahan-bahan ini mampu untuk dijadikan alat yang penting dalam hujahan-hujahan dalam kajian Penghulu di Selangor. Sehubungan dengan itu, pengkaji akan memilih bahan yang bersesuaian dengan tajuk pengkaji terutamanya dokumen-dokumen kerajaan negeri Selangor, minit mesyuarat, surat kelulusan, peraturan serta yang lain yang bermula dari Penjanjian Pangkor 1874 hingga kepada penubuhan negeri-negeri Melayu bersekutu pada tahun 1896 dan melihat perkembangannya sehingga tahun 1930 dengan merujuk kepada tajuk kajian iaitu Penghulu di Negeri Selangor. Hal ini kerana, kekuatan sumber pertama ini cukup penting dalam menjadi nadi kekuatan kepada pengkajian yang dilakukan oleh pengkaji bagi tujuan analisis serta pentafsiran.

Sumber sekunder boleh diibaratkan sebagai sumber kedua dalam pengkajian Penghulu di Selangor ini. Pentafsiran serta analisis tidak dapat diterjemahkan sendiri dengan menggunakan sumber pertama sahaja tetapi pertalian kedua-dua sumber ini penting dalam pengkajian Penghulu di Selangor ini. Sumber-sumber sekunder seperti kertas kerja, jurnal,

seminar sejarah buku-buku ilmiah serta kajian ilmiah yang ditulis oleh sarjana tempatan mahupun luar negara terutamanya yang mengkaji hal yang berkaitan dengan sistem politik tradisional pada zaman kolonial yang difokuskan oleh pengkaji dari tahun 1874 hingga tahun 1930. Sumber-sumber sekunder ini telah diperhalusi oleh pengkaji dengan melakukan kajian perpustakaan dan kajian lepas dalam membantu mendapatkan sumber-sumber sekunder terutamanya yang berkaitan dengan tajuk kajian yang dilakukan oleh pengkaji.

Kerelevanan penggunaan bahan perpustakaan yang menyediakan pelbagai akses serta bahan bacaan yang diperlukan dalam kajian Penghulu di Selangor juga mampu membantu pengkaji memperolehi bahan yang bersesuaian dengan tajuk yang dikaji. Sumber-sumber perpustakaan yang boleh diakses oleh pengkaji akan memudahkan mendapatkan bahan seperti buku-buku, jurnal, disertasi. Perkembangan perolehan bahan kajian mampu mengalakkan pengumpulan pandangan-pandangan sarjana, pengkaji lepas serta maklumat yang berkaitan bagi membantu mengukuhkan hujahan dalam kajian Penghulu di Selangor ini. Penggunaan keadah perpustakaan yang digunakan oleh pengkaji adalah satu keperluan yang penting. Keperluan ini dapat membantu pengkaji dalam membuat tafsiran, analisis yang kritikal dengan gabungan bahan sumber pertama dan kedua. Disebabkan itu, penulisan kajian ini dapat mengikut objektif yang dikaji oleh pengkaji. Seiring dengan keperluan itu, pengkaji telah mengunjungi beberapa tempat bagi menjalankan pengumpulan sumber-sumber yang berkaitan dengan kajian Penghulu Di Selangor melalui kaedah perpustakaan ini. Antaranya adalah

1. Perpustakaan Negara Malaysia
2. Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia
3. Pusat Peringatan Zaba Universiti Malaya
4. Arkib Negara Malaysia, Jalan Duta Kuala Lumpur, Malaysia
5. Bilik Arkib dan Dokumentasi Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia
6. Persatuan Sejarah Malaysia cawangan Selangor

Kajian Lepas

Kajian lepas merupakan kajian-kajian penyelidikan yang telah dikaji oleh pengkaji yang terdahulu Melalui kaedah perpustakaan yang digunakan di atas, pengkaji cuba mendapatkan bahan-bahan serta kajian tentang hal yang berkaitan dengan kajian pengkaji yang menekankan tajuk yang hampir sama dengan pengkaji. Antara kajian yang telah dilakukan adalah bertajuk Sistem penghulu yang dikarangkan oleh Khajidah Binti Muhammad, Sistem Penghulu di daerah Kuala Lumpur : satu kajian tentang peranan penghulu di daerah Kuala Lumpur, sekarang ini di karang oleh Sulaiman Bin Ja'afar dan kajian lepas ketiga adalah Pentadbiran dan Pimpinan di jajahan Ulu Langat yang dikarangkan oleh Nahariah Binti Hussain.

Meskipun kajian yang dilakukan oleh ketiga-tiga pengkaji boleh dijadikan sebagai rujukan, namun begitu penulisan mereka tentang kajian penghulu pada ketika itu masih lagi lemah. Hal ini kerana, penggunaan sumber pertama yang begitu kurang serta kaedah kajian yang dilakukan mereka seperti temubual serta soal selidik adalah berbeza dengan kajian yang dikaji oleh pengkaji. Hal ini disebabkan penghulu yang dilantik pada ketika itu pada pendapat penulis mempunyai maklumat yang terhad sebelum beliau menjadi penghulu serta zaman sebelumnya dan ini menyebabkan perbezaan dari segi tempoh kajian ini dilakukan serta penggunaan sumber. Hal ini kerana, penggunaan sumber pertama yang berkaitan dengan isu penghulu pada tahun berkenaan begitu kurang dan disebabkan itu kajian yang dilakukan pada 1960 an ini masih lagi lemah disebabkan faktor diatas. Di samping itu, kajian penghulu yang dilakukan adalah merujuk selepas kemerdekaan 1957 dan hanya sedikit sahaja menghujahkan sistem politik penghulu pada zaman kolonial. Malahan itu juga, beberapa kritikan dibuat oleh pengkaji lepas yang mengkaji kemerosotan sistem penghulu dengan memlihatkan keadaan pada selepas perang dunia kedua di dalam kajian di Ulu Langatnya. Berdasarkan kelemahan-kelemahan ini pengkaji ingin mengkaji bagaimanakah perlantikan dibuat dalam dua suasana pentadbiran kolonial british yang berbeza dan melihat tugas-tugas serta peranan yang dilaksanakan oleh mereka semakin hari semakin lemah yang membawa kepada kemerosotan sistem politik tradisional ini meskipun ia wujud pada abad ke 21 ini.

Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian merujuk kepada permasalahan yang dihadapi oleh pengkaji dalam mengkaji Penghulu di Negeri Selangor. Meskipun tajuk yang dikaji oleh pengkaji adalah menarik namun wujud beberapa masalah yang mengganggu kelancaran pengkajian ini. Antara masalah yang dihadapi oleh pengkaji adalah sumber-sumber arkib yang berlebihan membuatkan pengkaji sukar menentukan bahan manakah adalah yang terbaik yang mampu dijadikan sumber pertama dalam kajian ini. Hal ini menyebabkan pengkaji perlu meneliti setiap dokumen yang dijumpai dan akan melakukan fotostat jika ia berkaitan dengan kajian Penghulu di Selangor. Meskipun objektif kajian cukup jelas untuk mengkaji hal yang berkaitan namun begitu bahan-bahan arkib yang dijumpai yang banyak serta dokumen-dokumen yang dijumpai diimbis dan diletakkan dalam gambaran imej di Arkib sebenarnya mengganggu pengkaji. Hal ini kerana paparan di computer mampu menjejaskan pengkaji meneliti penulisan yang ditulis oleh aktor sejarah dan hal ini terpaksa membuat pengkaji meneliti dengan berhati-hati untuk mencari bahan yang sesuai untuk dijadikan penyokong utama dalam kajian Penghulu di Selangor.

Selain itu, permasalahan kajian wujud daripada pandangan pengkaji sendiri melihat jawatan penghulu seperti hidup segan mati tak mahu kerana wujudnya beberapa buah persoalan dalam pemikiran pengkaji. Yang pertama nya dimanakah penghulu pada zaman moden ini ? bagaimanakah ia boleh kemunduran sistem politik ini boleh berlaku ? sejak bilakah ia mula fungsi penghulu terutama di selangor mula merudum ? apakah faktornya ? permasalahan ini menimbulkan pelbagai persoalan di pemikiran pengkaji kerana fungsinya adalah begitu kuat sekali dalam sistem politik tradisional melayu.

Kesimpulannya permasalahan ini akan cuba dirungkai bagi memastikan kajian yang dilakukan begitu signifikan dalam coretan sejarah negeri Selangor. Hal ini kerana, permasalahan yang wujud memerlukan satu penerangan untuk khalayak ramai yang begitu keliru dengan sistem politik tradisional yang telah berubah dari zaman ke zaman sehinggalah pada zaman moden ini timbul persoalan sama ada penghulu masih wujud atau tidak serta skop tugas apakah yang mereka laksana bagi kawasan mukim mereka

Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dilakukan oleh para sarjana dan sejarawan muda mempunyai beberapa kepentingan yang dirasakan oleh penyelidik. Kepentingan kajian bermakna kebergunaan kajian ini kepada beberapa pengkaji terutamanya kepada pengkaji dalam ingin mendalami dan memahami sistem politik tradisional melayu. Oleh itu pengkaji membahagikan beberapa kepentingan dalam kajian ini. Antaranya adalah kepentingan kepada penyelidik, guru-guru sekolah dan pengkaji tempatan serta kepada negeri Selangor.

Kepentingan secara khususnya kepada pengkaji adalah untuk memahami perkembangan yang berlaku semasa pemerintahan kolonial yang begitu berminat untuk menguasai sistem politik melayu dalam memastikan keputusan-keputusan politik mempengaruhi aspek-aspek yang lain terutamanya hal yang berkaitan dengan Penghulu. Langkah British dalam meneruskan sistem politik baru dan lama seperti pengekalan Penghulu dalam pentadbiran kolonial begitu memberikan merunsingkan kepada pengkaji kerana mengapakah tiada tokoh-tokoh yang menentang pemerintahan British terutamanya hal yang berkaitan dengan penghulu? adakah penghulu di Selangor mendapat pelbagai tawaran yang menarik yang menyebabkan tiada penentangan terhadap penerimaan pentadbiran. Oleh itu, kajian ini adalah untuk memahami sistem politik penghulu terutamanya di negeri Selangor.

Selain itu, kepentingan kajian ini boleh dijadikan rujukan kepada guru-guru, penyelidik serta kepada orang awam. Rujukan kajian ini dapat membantu guru-guru, penyelidik dan orang dalam mendapatkan maklumat yang lebih mendalam kerana maklumat di dalam buku teks kebangsaan masih lagi bersifat umum di samping kurang penumpuan terhadap sistem politik dwi-zaman ini membawa kepada kepinggiran sistem politik yang sehingga hari ini wujud. Maka dengan kajian ini, ia sedikit sebanyak dapat membantu menambahkan maklumat tentang pemerintahan kolonial dari sudut pandangan yang berbeza dan juga yang baru.

Kepentingan ini juga adalah menambahkan lagi penulisan tentang sejarah negeri Selangor, ketenggelaman sistem politik dwi-zaman ini menghadapi arus pemodenan disebabkan pembangunan demi pembangunan dilakukan di negeri Selangor telah meninggalkan kesan yang begitu besar dalam sejarah Selangor. Sememangnya jikalau dari segi sosio-ekonomi pembangunan demi pembangunan adalah tanda sebuah negeri yang maju, namun begitu sejarah negeri Selangor terutamanya tentang tokoh-tokoh politik bawahan seperti jawatan penghulu begitu merudum dengan arus pemodenan. Oleh itu, kajian ini berkepentingan untuk menambahkan coretan sejarah politik Selangor yang telah tenggelam ekoran daripada Perjanjian Pangkor sehingga tahun 1930 an.

Dapatan Kajian

Secara umumnya dapatan kajian ini masih lagi di peringkat yang awal dan memerlukan penambahan dari semasa ke semasa kajian ini dilakukan. Dapatan kajian ini adalah didasarkan oleh hasil daripada penggunaan kaedah kajian yang pelbagai. Hasil daripada penggunaan kaedah tersebut telah membantu dalam pengkaji mendapat beberapa dapatan kajian yang akan ditafsirkan secara kritis melalui penulisan kajian. Oleh itu terdapat beberapa dapatan kajian yang diperolehi.

Seiring dengan objektif kajian iaitu ingin mengkaji cara pelantikan penghulu di negeri Selangor, pengkaji mendapatkan maklumat serta dapatan yang cukup menarik. Hal ini kerana berdasarkan kajian lepas yang dilakukan oleh penyelidik yang terdahulu telah membahagikan pelantikan penghulu kepada beberapa cara. Antaranya adalah melalui pelantikan, warisan dan juga pilihan. Namun begitu pandangan ini tidak dikaji secara mendalam. Hal ini kerana pelantikan penghulu yang berlaku semasa dua suasana pentadbiran residen adalah berbeza. Pelantikan yang dilakukan pada zaman residen British atau selepas perjanjian pangkor adalah berdasarkan sebenarnya beberapa perkara. Ini disebabkan pelantikan penghulu kadang kala bukan disebabkan faktor diatas tetapi atas faktor cadangan yang diberikan oleh penghulu bagi menggantikan tempatnya. Hal ini berkemungkinan penghulu yang sedia ada telah mengenal pasti kemampuan bakal pengantinya serta bakal pengantinya sudah memahami tugas sebagai seorang penghulu. Disebabkan itu ia tidak semestinya bersifat warisan iaitu memberikan jawatan kepada ahli-ahli keluarga yang diwarisi. Ini disebabkan, kesukaran masih boleh berlaku semasa hendak mendapatkan persetujuan daripada residen kerana pihak pentadbiran akan melihat keupayaan seseorang bakal pengganti penghulu untuk menguruskan kawasan yang perlu dijaganya. Faktor cadangan ini akan melalui beberapa tapisan bagi memastikan calon-calon yang benar layak sahaja mendapat tugas ini.

Selain itu, pentadbiran yang lancar semesti mempunyai rancangan jangka masa pendek serta panjang. Rancangan yang dirancang oleh majlis negeri akan lebih mementingkan kepada pendapatan pada masa hadapan serta mengukuhkan kedudukan mereka. Bagi memastikan pendapatan serta pengukuhan kuasa dapat dijaga maka pentadbiran residen akan menjalan beberapa pengawalan bagi memastikan tiada rancangan untuk menentang kerajaan. Hal ini memberikan perhatian kepada golongan kelompok bawahan terutamanya orang yang mempunyai pengaruh. Hal ini menurut pendapat pengkaji adalah penghulu kerana berfaktor orang paling rapat dengan rakyat. Oleh itu pengawalan terhadap penghulu dilakukan dengan memberikan kuasa-kuasa yang lebih rendah berbanding dalam pentadbiran tradisional. Meskipun menurut pendapat Leong Yee Fong iaitu residen memerlukan penghulu. Namun begitu pada masa yang sama ia juga mengikat penghulu ketika menjalankan tugas. Hal ini dapat dilihat melalui beberapa tugas yang diberikan kepada penghulu seperti mengutip cukai, membuat laporan dan lain-lain. Disebabkan itu bagi mengawalkan penghulu di Negeri Selangor ini, British telah mengawal peraturan terhadap penghulu serta telah menyenaraikan kuasa-kuasa yang dianggap Residen tidak memberi impak yang begitu besar kepada pentadbiran British. Oleh itu, bagi mengawal penghulu di

negeri Selangor pentadbiran residen telah memperkenalkan peraturan serta menghadkan kuasa-kuasa penghulu.

Dapatan kajian lain yang diperolehi daripada keadah-kaedah kajian yang dilakukan telah menyebabkan pengkaji mendapat dapatan kajian yang menarik mengiku objektif kajian yang dikaji. Hasilnya pengkaji dapat mengetahui punca kemerosotan penghulu adalah disebabkan pengenalan pentadbiran british di Negeri Selangor. Pentadbiran British bermula pada tahun 1874 selepas perjanjian pangkor atau selepas perang saudara Selangor berlaku. Kesan daripada peristiwa itu telah membawa kepada pentadbiran ala barat yang telah memperkenalkan sistem pentadbiran pusat yang meletakkan Residen sebagai ketua kerajaan manakala Sultan hanya ketua pemerintahan yang tidak berkuasa. Maka disebabkan itu peranan penghulu juga turut menerima kesan yang begitu mendalam kerana Sultan selepas perjanjian pangkor sudah tidak mempunyai sebarang kuasa maka hubungan secara langsung sultan dengan penghulu juga merudum dan penghulu diletakkan dibawah residen. Dibawah sistem residen, arahan-arahan yang dikeluarkan untuk penghulu bukannya hadir dari sultan tetapi arahan residen. Ini disebabkan residen menguruskan pentadbiran untuk Selangor tetapi pada masa yang sama mengambil kesempatan dengan peluang ekonomi yang terdapat di negeri Selangor. Disebabkan itu, British memerlukan pimpinan tempatan seperti penghulu untuk menjaga sesuatu kawasan yang diberikan. Di samping itu, punca kemerosotan nama penghulu semakin memuncak selepas pentadbiran negeri-negeri residen disatukan iaitu gabungan Selangor, Perak, Pahang dan Negeri Sembilan. Hasil gabungan ini telah mewujudkan pentadbiran pusat yang menyebabkan jawatan penghulu semakin jauh daripada dunia istana seperti zaman tradisional. Pentadbiran pusat yang diketuai oleh Residen Jeneral telah menubuhkan majlis tempatan (*Sanitary Board*) bagi menguruskan hal ehwal tempatan seperti kesihatan, keamanan dan lain-lain. Penubuhan ini memberikan kemerosotan yang berganda kepada posisi penghulu sebagai tempat penyelesaian masyarakat tempatan. Peranan dan tugas-tugas penghulu diambil sedikit demi sedikit sehingga menyebabkan peranannya semakin berkurang sehingga tahun 1930 an. Oleh itu, pentadbiran British di Selangor meninggalkan beberapa kesan luar biasa kepada sistem politik tradisional melayu dan budaya politik orang mula berubah demi berubah mengikut peredaran masa sehingga tahun 1930 an.

Rumusan

Kesimpulannya penghulu begitu penting dalam sistem politik tradisional yang sudah lama wujud semenjak kesultanan melayu melaka. Namun begitu, semenjak kejatuhan kerajaan Melayu Melaka tumbang di tangan Portugis telah membawa perubahan demi perubahan berlaku sehingga dunia politik juga dijajah. Hal ini telah meninggalkan kesan yang begitu mendalam dalam sistem politik tradisional apabila pengenalan pentadbiran British telah banyak mengubah dunia tradisional terutamanya sistem politik penghulu di Selangor. Pengubahan ini sekali gus membawa kepada semakin tenggelamnya politik penghulu dalam pentadbiran yang bermula semenjak pentadbiran British yang bermula secara langsung selepas 1874. Ketenggelamnya ini telah sekaligus menyebabkan pandangan terhadap penghulu begitu dipinggirkan terutamanya di kawasan Selangor. Oleh itu, penghulu di negeri

Selangor sememangnya berfungsi pada peringkat permulaan pentadbiran British namun begitu semakin lama pentadbiran semakin banyak perubahan yang telah dilakukan kerana transformasi dalam pentadbiran demi pembangunan yang dianggap menguntungkan British.

Rujukan

—, 1970. *Sistem Politik BumiPutera Tanah Melayu Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka .

Fail 178/1898 Instructions to penghulu in connections with applications for native holding

Fail 3087/1899 Penghulu's kuasa- Forwards copy of

Fail 3677/1897 Penghulus percentages on collections

Fail 7840E/92 3 Penghulu Kuasa

Fail KL 1169/84 Informing that with regards to his petition of resigning the appointment of Penghulu was laid before council was decided as follow

Fail KL 1520/83 Enclosing Regulations for Penghulu

Fail KL 1840/92 6 Penghulu Kuasa

Fail KL 3015/92 Penghulu Elections

Fail KL 7840 B/92 10 Penghulu Kuasa

Fail KL 7840/92 4 Penghulu Kuasa

Fail KL 7840A/ 92 5 Penghulu Kuasa

Fail KL 7840C/ 92 15 Penghulu Kuasa

Fail Kwala Lumper 6451/92 Instruction to Penghulus.

Fail MISC 12560/83 Appointment as Penghulu.

Fail Miscellaneous 2978-1902 Registration of births & deaths- suggest alteration of time limit to report case of deaths, appointment of penghulus as registras & (obtaining) of post registration books.

Fail No 2005/ 0013277 Kongress Sejarah Melayu II sejarah dan proses pemantapan negara-bangsa: " Pengagasan Kerajaan Tempatan di Semanjung Malaysia dengan rujukan kepada Sanitary Board Kuala Lumpur 1890-1914- Oleh Ahmad Kamal Arifin, Jabatan Sejarah UM 26-28 November 1996.

Fail No 2006/ 0011159 Federated Malay States (F.M.S) Enacments 1915

- Fail No 2006/ 0011164 Federated Malay States (F.M.S) Enacments 1920
- Fail No 2006/ 0011171 Federated Malay States (F.M.S) Enacments 1925
- Fail No 2006/ 0011179 Federated Malay States (F.M.S) Enacments 1930
- Fail No 2006/0011154 Federated Malay States (F.M.S) Enacments 1910
- Fail No 3854/1900 Re Penghulu's Kuasa
- Fail No 4093/ 1899 Recommendation for filling the appointment of Penghulu
- Fail No 55/83 Report on state of Penghulu, Villages in the District, their boundaries population, the name of penghulus appointed or recommended for appointment with amount salary
- Fail No 741A/ 1899 Penghulu kuasa forward copy of :-
- Fail Resident 54/80 Regulations relative to Penghulus
- Fail U.S 985/86 Re papers with reference to tenths allowed to Penghulu
- Fong, Leong Yee. 2005. "Zaman Penjajahan dan Munculnya Susunan Politik Baharu di Tanah Melayu." Dalam *Malaysia Sejarah Kenegaraan Dan Politik* , Penyelenggara Abdul Rahman Haji Ismail, Hlm. 229-278. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka .
- Fook, Chong Sook. 1984/1985. "Yap Ah Loy Sebagai Kapitan Cina Kuala Lumpur ." *Jebat* Hlm. 93-113.
- Gullick, J.M. 1989. *Malay Society in the late Nineteenth Century* . Singapore: Oxford University Press.
- Gullick, J.M. 1992. *Rulers and Residents Influence and Power in the Malay States 1870-1920* . Singapore: Oxford University Press.
- Gullick, J.M. 1998. *A History Of Selangor (1766-1939)*. Monograf No. 28. Kuala Lumpur: Falcon Press .
- Khadijah Binti Haji Muhammad. 1966. *Sistem Penghulu* . Universiti Malaya.
- Kratoska, Paul H. 1984. "Penghulus in Perak and Selangor: The rationalization and decline of a traditional Malay office." *Journal of Malaysian Branch Royal Asiatic Society* 52(7) 31-59.
- Milner, Anthony. 2016. *Kerajaan Budaya Politik Melayu di Ambang pemerintahan Kolonial*. Edisi Kedua. Petaling Jaya: Vinlin Press.
- Nahariah Binti Hussain. 1966. *Pentadbiran dan Pimpinan di jajahan Ulu Langat* . Universiti Malaya .

- Sadka, E. 1968. *The Protected Malay States 1874-1895*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Sharom Ahmat. 1984. *Tradition and change in Malay state; : A Study of the economic and political development 1878-1923*. MBRAS, Monograph N0.12 .
- Sidhu, Jagjit Singh. 1980. *Administration in the Federated Malay States 1896-1920*. Kuala Lumpur : Oxford University Press.
- Sulaiman Bin Ja'afar. 1966. *Sistem Penghulu di daerah Kuala Lumpur: satu kajian tentang peranan penghulu di daerah Kuala Lumpur, sekarang in*. Universiti Malaya.